



**PUSAT HEMODIALISIS ZAKAT
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG
(PHZ MAINPP)**

NOTIS JAWATAN KOSONG

ZAKAT MAINPP merupakan sebuah organisasi yang menguruskan kutipan dan agihan zakat di negeri Pulau Pinang. Kami mempelawa calon-calon yang berkelayakan untuk memohon jawatan di **Pusat Hemodialisis Zakat MAINPP (PHZ MAINPP)**. PHZ MAINPP merupakan salah satu program agihan zakat yang diwujudkan di bawah peruntukan agihan Zakat MAINPP.

Sebagai makluman, PHZ MAINPP di bawah program agihan zakat ini mempunyai lapan (8) buah pusat hemodialisis yang beroperasi seluruh negeri Pulau Pinang bagi memberi rawatan kepada masyarakat Islam Negeri Pulau Pinang yang mengalami kegagalan fungsi buah pinggang.

Bagi memastikan hasrat dan tanggungjawab ini dapat direalisasikan, kami mempelawa calon yang berkelayakan, bermotivasi tinggi serta berminat untuk membina kerjaya bersama kami bagi **mengisi kekosongan jawatan yang dibuka sepanjang tahun 2026** (tertakluk kepada kekosongan jawatan serta keperluan semasa) di seluruh cawangan PHZ MAINPP.

JAWATAN

1. JURURAWAT

STATUS JAWATAN

Jawatan adalah secara lantikan **KONTRAK**.

SYARAT-SYARAT AM KELAYAKAN

1. Warganegara Malaysia dan berumur tidak kurang 18 tahun;
2. Calon-calon mestilah lulus sijil SPM / SPMV atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

1. Syarat Lantikan

- 1.1 Memiliki diploma dalam bidang **Kejururawatan** atau lain-lain kelayakan berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- 1.2 Mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran Penuh dari Lembaga Jururawat Malaysia;
- 1.3 Memiliki Sijil Amalan Tahunan Semasa;
- 1.4 Keutamaan diberi kepada calon-calon yang berpengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun dalam bidang Kejururawatan dan dalam hal-hal berkaitan;
- 1.5 Calon yang baru menamatkan pengajian juga digalakkan memohon;
- 1.6 Mempunyai **Sijil Pos Basik Perawatan Renal** adalah satu kelebihan;
- 1.7 Calon adalah bukan calon simpanan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2. Tugas dan Tanggungjawab

- 2.1 Memberikan rawatan hemodialisis kepada pesakit mengikut prosedur yang telah ditetapkan;
- 2.2 Mengendalikan mesin *Reverse Osmosis (RO)* dan mesin hemodialisis;
- 2.3 Menentukan keperluan rawatan dan ubat-ubatan mencukupi;
- 2.4 Memberikan suntikan ubat-ubatan kepada pesakit mengikut jadual yang telah ditetapkan;
- 2.5 Membantu Pegawai Perubatan dan Pakar Nefrologi semasa lawatan pemeriksaan berkala dan mematuhi pelan rawatan yang dicadangkan;
- 2.6 Mengambil sampel darah pesakit untuk ujian makmal mengikut jadual yang telah ditetapkan;
- 2.7 Memberi khidmat nasihat pemakanan kepada pesakit.

CARA MEMOHON

1. Calon yang berminat serta memenuhi semua syarat yang ditetapkan hendaklah mengemukakan:
 - 1.1 Borang Permohonan Jawatan yang boleh dimuat turun di laman web <https://zakat.mainpp.gov.my/sertai-kami/>;
 - 1.2 Mengemukakan Borang Permohonan Jawatan dengan Curriculum Vitae terbaru (CV) yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik (sertakan salinan sijil yang berkaitan), pengalaman kerja dan sekeping gambar bersaiz pasport. Sila nyatakan gaji terkini dan gaji yang dipohon.
2. Hanya permohonan yang lengkap akan diterima.
3. Permohonan dalam keadaan berikut akan ditolak:
 - 3.1 Tidak lengkap atau tidak terang.
 - 3.2 Salinan dokumen-dokumen yang diperlukan tidak disahkan oleh Pegawai yang berkelayakan.
 - 3.3 Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang dikehendaki.
 - 3.4 Tidak disertakan gambar berukuran pasport atau salinan dokumen yang diperlukan.
 - 3.5 Tidak ditandatangani.
4. Semua permohonan adalah sulit dan hanya calon-calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga.
5. Permohonan bagi jawatan ini boleh dikemukakan sepanjang tahun 2026 dan tertakluk kepada kekosongan jawatan serta keperluan semasa.

Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

**PENGURUS
BAHAGIAN PERKHIDMATAN KESIHATAN
ZAKAT MAINPP
No. 503, Tingkat 1, Jln Permatang Rawa,
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.**